



PEJABAT KETUA PENDAFTAR  
*Office of the Chief Registrar*  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA  
*Federal Court of Malaysia*  
PALACE OF JUSTICE  
PRESINT 3  
62506 PUTRAJAYA

Telefon : 03-88803500  
Telephone 03-88803700  
03-88803900

Faks : 03-88803886  
Fax

Ruj. Tuan:  
Your Ref:

Ruj. Kami: (41) dlm.JK/MA 38/3  
Our Ref:

Tarikh: 17 Ogos 2006  
Date:

Timbalan Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Tuan/Puan

ARAHAN AMALAN BIL. 2/2006  
PEMFAILAN "CORE BUNDLE" DALAM PROSIDING RAYUAN SIVIL DI  
MAHKAMAH PERSEKUTUAN

Yang Amat Arif Ketua Hakim Negara mengarahkan bahawa bagi tujuan penyelarasan dan keberkesanan prosiding rayuan sivil di Mahkamah Persekutuan, semua peguam yang terlibat dalam penyediaan Rekod-Rekod Rayuan Sivil hendaklah menyediakan suatu Ikatan Teras (Core Bundle) **7 hari** sebelum tarikh perbicaraan bagi tujuan memudahkan rujukan oleh Y.A.A/Y.A Hakim-Hakim Mahkamah Persekutuan Malaysia.

2. **Definisi**

Ikatan Teras adalah suatu ikatan yang mengandungi semua dokumen serta kertas kausa yang dipersetujui oleh semua pihak sebagai **relevan yang ingin/akan dirujuk oleh pihak-pihak semasa perbicaraan.**

3. **Komposisi**

- (i) Ikatan Teras berbeza dari Rekod Rayuan yang biasa difailkan oleh Perayu kerana ianya **terhad** kepada salinan/cabutan dari **dokumen yang bakal dirujuk** semasa perbicaraan sahaja.
- (ii) Sungguhpun isi kandungan Ikatan Teras adalah terhad, pihak-pihak tidak akan dihadkan/dihalang dari merujuk kepada mana-mana dokumen yang tersenarai dalam Rekod Rayuan semasa perbicaraan jika timbul apa-apa ketinggalan pihak-pihak untuk mengemukakan mana-mana dokumen tersebut .

(iii) Penandaan muka surat Ikatan Teras hendaklah menuruti penandaan seperti mana di dalam Rekod Rayuan.



.../2

(Sila nyatakan rujukan kami apabila menjawab surat ini)

-2-

4. **Hujahan Bertulis**

Bagi memudahkan perujukan dibuat dalam Ikatan Teras, para peguam adalah dinasihatkan untuk menyediakan hujahan bertulis beserta dengan ikatan otoriti yang mana akan difailkan bersama dengan Ikatan Teras di Pejabat Pendaftaran Mahkamah Persekutuan **7 hari sebelum tarikh perbicaraan rayuan** tersebut.

5. **Pemakaian**

Kehendak pemfailan Ikatan Teras ini hanya disarankan untuk prosiding **Rayuan Sivil** di Mahkamah Persekutuan Malaysia sahaja dan dalam mana-mana prosiding Permohonan Sivil (Kebenaran untuk merayu) setelah permohonan tersebut diurus melalui suatu prosiding Pengurusan Kes dihadapan Timbalan Pendaftar.

6. **Jumlah salinan**


Para peguam bolehlah memfailkan **2 salinan Rekod Rayuan** manakala **Ikatan Teras sebanyak 3 salinan** atau mana-mana jumlah yang sesuai mengikut bilangan ahli panel. Jumlah ini tidak bermaksud untuk menafikan atau menggantikan jumlah salinan yang diperuntukkan dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Persekutuan, 1995.

7. Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai tarikh Arahan Amalan ini dikeluarkan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(DATO' TENGGU MAIMUN BINTI TUAN MAT)**

Ketua Pendaftar  
Mahkamah Persekutuan  
Kuala Lumpur

s.k.

Y.A.A. Ketua Hakim Negara  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Y.A.A. Presiden  
Mahkamah Rayuan Malaysia

Y.A.A. Hakim Besar Malaya  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Y.A.A. Hakim Besar Sabah & Sarawak  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

.../3

-3-

Y.A Hakim  
Mahkamah Persekutuan Malaysia



Pustakawan  
Mahkamah Persekutuan Malaysia

Majlis Peguam  
No. 5, Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur